

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKLW
BULAN JUN 2016**

**DEWAN SERBAGUNA,
ARAS B1, KKLW**

**27 JUN 2016 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 2.30 PETANG**

YB Datuk Alexander Nanta Linggi
dan
YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YBhg Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Mohamed Yunus
dan
YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Rakan-rakan media

YB Dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan KKLW bagi bulan Jun tahun 2016.
2. Sempena dengan bulan Ramadhan yang mulia ini yang telah pun kita jalani selama 22 hari, saya berharap semoga Allah S.W.T memberkati ibadah kita dan melimpahkan segala kebaikan yang ada di bulan ini kepada kita semua.
3. Saya juga berharap agar kita dapat menambahkan lagi azam dan tekad kita untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat luar bandar lebih-lebih lagi dalam bulan yang penuh keberkatan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pada bulan Ramadhan yang mulia ini sebagai rakyat Malaysia, sewajarnya kita menginsafi dan mensyukuri nikmat keamanan dan keharmonian yang masih dikecapi dalam negara Malaysia yang kita cintai.

5. Syukur Alhamdulillah, pada 18 Jun yang lalu telah selamat berlangsungnya Pilihanraya Kecil Parlimen Sungai Besar dan Parlimen Kuala Kangsar yang telah mencatatkan kemenangan bagi parti Barisan Nasional dengan majoriti yang besar yang iaitu 9191 undi di P93 Sungai Besar manakala 6969 undi majoriti di P67 Kuala Kangsar. Dengan kemenangan dan mandat yang diberikan ini, terbukti rakyat tetap yakin dengan pemerintahan kerajaan yang sememangnya memperjuangkan nasib dan hak rakyat ke arah mengecapi kehidupan yang lebih sejahtera tanpa mengira kaum, agama mahupun bangsa.

6. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perancangan dan pelaksanaan program-program Kementerian dan Agensi di bawah KKLW sepanjang tempoh PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar yang lalu. Di sebalik kesuntukan masa dan kekangan-kekangan lain yang terpaksa dihadapi, kita telah berjaya melaksanakan program-program besar yang sebahagiannya turut melibatkan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri yang telah sudi melapangkan masa bersama-sama dengan kita dan masyarakat setempat bagi meraikan majlis ramah mesra pemimpin bersama rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Kementerian juga tidak pernah melupakan saudara-saudara kita terutamanya warga Kementerian yang berada dalam keadaan memerlukan lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan ini.

8. Pelbagai usaha kita lakukan untuk membantu meringankan beban insan yang sedang dihimpit kesusahan. Seperti tahun-tahun lepas, Kementerian tidak ketinggalan dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan melaksanakan Program Bakul Semaian Kasih.

9. Melalui program ini, setiap Bahagian di Kementerian menghulurkan sumbangan dalam bentuk barangan keperluan harian yang seterusnya akan diserahkan kepada keluarga dan kakitangan Kementerian yang memerlukan.

10. Saya dimaklumkan bahawa seramai 30 keluarga dan kakitangan Kementerian akan menerima sumbangan yang berupa barangan keperluan harian dan makanan dalam satu majlis yang akan diadakan pada minggu ini. Terima kasih kepada semua yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Meneruskan tradisi tahun-tahun terdahulu, pada hari ini kita juga akan turut mengadakan pengagihan bubur lambuk yang telah dimasak secara bergotong-royong oleh warga Kementerian dan Agensi. Pada tahun ini, sebanyak lima belas (15) periuk bubur lambuk telah disediakan iaitu 5 daripadanya adalah sumbangan daripada Kelab Sukan dan Kebajikan KKLW manakala 10 periuk yang selebihnya merupakan setiap satunya daripada 10 agensi di bawah Kementerian. Selesai majlis ini nanti, bungkusan bubur lambuk akan diagihkan bukan sahaja kepada warga kerja Kementerian, malahan warga Putrajaya yang melalui jalan utama berhadapan bangunan Kementerian akan turut berpeluang berkongsi rezeki pada bulan Ramadhan yang mulia ini.

12. Program gotong-royong seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga Kementerian , bahkan dapat menyemai sikap tolong-menolong dan bekerjasama sebagai satu pasukan. Nilai-nilai murni ini seterusnya dapat kita praktikkan dalam urusan tugas seharian.

13. Bulan Ramadhan bukanlah alasan untuk kita mengambil mudah terhadap amanah dan tugas harian, malah kita juga seharusnya membuktikan bahawa pada bulan mulia ini perkhidmatan yang diberikan untuk rakyat lebih cekap dan kualitinya dipertingkatkan.

14. Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah *Rolling Plan 1* (RP 1) Rancangan Malaysia ke-11 bagi tahun 2016, Kementerian telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM5,451,257,300. Namun begitu, peruntukan tersebut telah diubahsuai kepada RM4,585,457,300 oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Langkah pengubahsuaian tersebut adalah disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global dan kejatuhan harga minyak yang telah memberi kesan kepada hasil negara. Bagi tahun 2016, sebanyak 592 projek telah diluluskan iaitu melibatkan 525 projek baru dan 67 projek sambung. Projek-projek tersebut kini sedang giat dijalankan.

15. Secara keseluruhannya, untuk *Rolling Plan 2* (RP2) pula, terdapat sebanyak 730 projek telah dipohon dengan jumlah permohonan sebanyak RM9,561,340,256. Buat masa ini, permohonan tersebut sedang dimuktamadkan bersama dengan EPU, JPM. Justeru, sama-samalah kita berdoa agar setiap urusan dipermudahkan agar hasrat Kementerian untuk mempertingkatkan pembangunan kemudahan infrastruktur asas di luar bandar serta tahap kemajuan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar akan dapat direalisasikan menjelang tahun 2020.

16. Saya menyeru kepada pegawai dan kakitangan Kementerian dan Agensi yang diketuai oleh Dato' KSU agar dapat berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberi.

17. Adalah menjadi harapan saya bahawa prestasi baik ini akan terus memacu imej KKLW ke peringkat yang lebih tinggi selaku penggerak utama pembangunan luar bandar. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan seramai empat puluh tujuh (47) orang pegawai baru yang telah melapor diri dari bulan Mac hingga bulan Jun 2016. Semoga kehadiran tuan-tuan dan puan-puan akan dapat membantu menggerakkan jentera Kementerian sekaligus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada empat (4) orang warga Kementerian yang telah bersara wajib sehingga bulan Mei yang lalu. Sesungguhnya, jasa dan bakti tuan-tuan dan puan-puan akan tetap dikenang.

18. Bersempena perayaan Aidilfitri yang bakal kunjung tiba tidak lama lagi, saya ingin berpesan kepada seluruh warga KKLW agar sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan khususnya di jalan raya dan saya mendoakan saudara-saudari pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat untuk berhari raya dalam suasana penuh gembira dan bahagia.

19. Semasa kita berkunjung ke rumah saudara mara di kampung nanti, ambil kesempatan untuk menyebarkan luas dasar-dasar Kerajaan dan kejayaan program-program Kementerian dan Agensi yang telah dilaksanakan. Saya percaya, komunikasi bersemuka masih lagi merupakan medium terbaik untuk mewujudkan persepsi positif masyarakat terhadap impak kejayaan dasar-dasar Kerajaan.

20. Akhir kata di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga Kementerian dan dalam masa yang sama peringatan kepada kita semua supaya berhati-hati ketika memandu untuk pulang ke kampung

halaman

masing-masing.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.